

Kadar inflasi suku tahun meningkat

KUALA LUMPUR 19 Mei — Kadar inflasi untuk suku pertama tahun ini telah meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada 4.5 peratus berbanding dengan 3.6 peratus tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

• Beliau berkata, salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan kadar inflasi ialah pertambahan bekalan wang yang telah membawa kepada permintaan yang berlebihan.

“Dalam keadaan pendapatan yang lebih tinggi dan ekonomi yang mencapai guna tenaga penuh, pertambahan bekalan wang telah memberi tekanan yang hebat ke atas harga.

“Ini merupakan satu daripada punca meningkatnya inflasi,” kata beliau ketika berucap melancarkan Kempen Anti Inflasi dan Sambutan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Islam di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Inflasi berkata, inflasi telah meningkat sebanyak 4.4 peratus dalam tahun 1991 dan 4.7 peratus pada tahun berikutnya, iaitu paling tertinggi sejak 1982.

“Ia turun sedikit dalam tahun 1993 ke tahap 3.6 peratus tetapi meningkat kembali dalam suku pertama 1994 kepada 4.5 peratus,” katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan, kemasukan wang asing bagi tujuan kegiatan spekulasi juga menyebabkan kadar inflasi meningkat.

Menurut beliau, turut menyebabkan pertambahan kadar inflasi ialah tindakan golongan peniaga untuk meraih keuntungan yang keter-

laluhan dengan menaikkan harga.

“Mereka (peniaga) berpendapat bahawa dengan menaikkan margin di antara harga belian dengan jualan, mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih.

“Mungkin buat seketika ini tercapai tetapi tindakan mereka itu akan menaikkan inflasi,” katanya.

Beliau juga berkata, apabila inflasi berlaku dan nilai wang merosot, nilai pendapatan juga mengalami kemerosotan.

Oleh itu kata beliau, pendekatan mudah bagi mengatasi masalah kemerosotan nilai pendapatan ialah dengan menambah upah seperti dengan kenaikan gaji atau

kenaikan margin keuntungan.

“Kenaikan gaji kerana inflasi mempunyai kesan yang sama iaitu menambah inflasi, menurunkan nilai mata wang dan melemahkan ekonomi,” jelasnya.

Kata beliau lagi, Eropah sekarang menghadapi masalah ekonomi yang amat berat dengan kadar pengangguran meningkat antara 11 dan 12 peratus.

Walaupun mesyuarat demi mesyuarat diadakan oleh kumpulan tujuh negara maju tetapi masalah pengangguran juga tidak dapat diatasi.

“Sekarang mereka beradang untuk memaksa negara membangun menaikkan gaji minimum supaya masalah pengangguran mereka dapat diatasi.

“Jurang yang besar di antara upahan pekerja mereka dengan upahan pekerja negara membangun adalah sebabnya mereka tidak dapat menarik pelaburan dan mewujudkan peluang kerja,” katanya.

Kata beliau, upahan bagi pekerja di negara boleh dinaikkan tetapi kenaikan itu hendaklah dilakukan secara berhati-hati supaya tidak kehilangan daya saing dan mengelakkan inflasi.